

EKONOMI

Untung bersih suku kedua Kerjaya Prospek meningkat kepada RM16.0 juta



26/08/2021 04:07 PM

KUALA LUMPUR, 26 Ogos -- Keuntungan bersih Kerjaya Prospek Group Bhd bagi suku kedua berakhir 30 Jun, 2021, meningkat 59.0 peratus kepada RM16.0 juta daripada RM10.1 juta dalam tempoh yang sama tahun lepas.

Hasil mengukuh 48.2 peratus kepada RM189.89 juta daripada RM128.10 juta sebelumnya, kata firma pembinaan itu dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini.

"Secara keseluruhannya, peningkatan hasil bagi suku di bawah kajian disebabkan terutamanya oleh penyambungan semula projek-projek pembinaan kumpulan kecuali dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan pandemik COVID-19," katanya.

Lembaga pengarah telah meluluskan dividen interim sebanyak 1.5 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Dis, 2021, dan tarikh kelayakan dan tarikh pembayaran dividen masing-masing adalah pada 20 Sept, 2021 dan 8 Okt, 2021.

-- BERNAMA